

Rabu, 11 March 2020 | 3:34pm



Mohamad Amir (kiri) bersama anggotanya menunjukkan jersi tiruan yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah yang dijadikan tempat pengumpulan jersi tiruan di Taman Bukit Kayang, Kangar. - NSTP/Dziyaul Afnan Abdul Rahman

Kaya dengan jual jersi tiruan

Oleh Dziyaul Afnan Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

KANGAR: Seorang pemuda di sini, dikesan mampu meraih jualan sehingga RM120,000 sebulan daripada pengedaran jersi tiruan secara dalam talian berpusat di Taman Bukit Kayang di sini.

Kegiatan itu terbongkar selepas penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) Perlis menyerbu sebuah rumah dua tingkat yang dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran jersi tiruan dipercayai terbesar di wilayah utara.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah, berkata dalam serbuan jam 11.30 pagi tadi pemuda itu ditahan bersama lima pekerjanya termasuk empat wanita berusia antara 26 hingga 35 tahun.

Katanya, dalam serbuan itu pihaknya turut merampas 2,212 helai jersi tiruan pelbagai jenama yang bernilai RM183,000 bersama barangan mesin elektronik berupa beberapa unit komputer, mesin pencetak dan mesin mengecop.

"Lelaki berusia kurang 30 tahun itu, dipercayai bergiat aktif sejak 2015 dengan menjual jersi pasukan bola sepak tiruan pelbagai negara di Eropah dan Asia menerusi Facebook dan Instagram.

"Kami memerhatikan sindiket ini sejak sebulan lalu melalui risikan dalaman dan kita percaya sindiket diketuainya antara yang terbesar di utara Semenanjung," katanya ketika ditemui di rumah berkenaan hari ini.

Mohamad Amir berkata, jersi tiruan yang dirampas dikesan dijual kepada pelanggan pada harga RM50 sehingga RM100 sehelai, bergantung kepada populariti pasukan bola sepak.

"Suspek juga mengaku sudah melakukan banyak transaksi dengan menghantar jersi yang ditempah ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kesemua barangan rampasan akan dibawa ke ibu pejabat, manakala kesemua suspek ditahan sementara waktu reman esok," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 102(1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.

